

09/08/2003

Tiada masalah laksana projek makmal di Sabah

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan pelaksanaan projek makmal komputer di Sabah yang tidak bermasalah, malah berjaya disiapkan lebih awal.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yang dalam lawatan sehari ke Sabah semalam, menyarankan kontraktor dari Semenanjung meninjau cara pelaksanaan projek pembangunan di negeri ini.

Katanya, beliau diberi taklimat penuh mengenai pelaksanaan projek makmal komputer di Sabah sejurus tiba di sini pagi semalam dan mendapati tiada satu pun yang menghadapi masalah.

"Saya amat puas hati dan gembira dengan prestasi yang dicapai oleh Sabah. Tumpuan saya ialah kepada pembinaan makmal komputer kerana kita semua tahu bahawa projek makmal komputer di Semenanjung begitu banyak yang tidak dibuat dengan sempurna, malah ada dilaporkan runtuh.

"Di Sabah, projek makmal komputer ini dibuat dengan kemas, tiada satu pun yang menghadapi masalah. Tiada masalah dengan wakil rakyat, tiada masalah dengan pegawai kerajaan," katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Sejurus tiba pada sebelah pagi, Dr Mahathir mendengar taklimat Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) dan Jabatan Pendidikan Sabah mengenai pelaksanaan projek pembangunan. Hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Musa Aman.

Projek pembinaan makmal di Sabah dilaksanakan TimeComm Holdings Berhad, manakala zon Utara di Semenanjung dikendalikan Pintar Tech Bumiasia JV Sdn Bhd, Perkhidmatan Rundingan Industri Malaysia Sdn Bhd (Tengah), Bell Grand Sdn Bhd (Timur) dan CS Tech Venture Sdn Bhd (Selatan) tetapi ditamatkan perkhidmatan oleh Kementerian Kewangan pada 28 Jun 2002.

Di Sarawak pula, 156 kontraktor Kelas F melaksanakan projek itu selepas Telekom Smart School Sdn Bhd menolak tawaran Kementerian Kewangan.

Dr Mahathir berkata, melihat kepada kemajuan projek pembangunan di Sabah, ada baiknya kontraktor dari Semenanjung berkunjung ke negeri ini untuk meninjau cara pelaksanaannya.

Katanya, projek pembangunan lain, seperti pembinaan sekolah, hospital dan rumah guru, juga berjalan dengan baik dan sempurna.

"Semua projek ini dijalankan oleh kontraktor dari Sabah dan diselia oleh pihak kerajaan Sabah," katanya sambil menjelaskan, Ketua Menteri sendiri turut meninjau kemajuan kebanyakan projek berkenaan.

Ditanya jika ada peruntukan Kerajaan Pusat untuk Sabah yang belum dibelanjakan, Dr Mahathir berkata, perkara itu memang berlaku di negeri ini, seperti juga di Semenanjung.

Katanya, masalah itu berpunca daripada perancangan dan anggaran bajet yang tidak begitu baik.

"Mereka buat bajet yang terlalu besar, lepas itu tak dapat laksanakan... antaranya kerana masalah tanah, pampasan dan setinggan yang menghalang pembangunan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pendidikan Sabah, Datuk Kamal Quadra, yang memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai projek makmal komputer di negeri ini berkata, 168 daripada 200 projek yang dilaksanakan sudah siap dan diserahkan oleh kontraktor kepada jabatannya.

Sebanyak 32 projek lagi dijangka siap menjelang akhir bulan ini. Keseluruhan projek makmal komputer di Sabah berharga RM71 juta.

Beliau berkata, 136 projek makmal komputer itu dibina di sekolah rendah dan 64 lagi di sekolah menengah.